

UPSI TERIMA ANUGERAH 101 FABULOUS GLOBAL EDUCATIONAL INSTITUTIONS

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak mencatat sejarah tersendiri dalam bidang pendidikan apabila menerima Anugerah 101 Fabulous Global Educational Institutions daripada World Education Congress yang disampaikan di Mumbai, India, baru-baru ini.

Bagi pihak UPSI, anugerah diterima Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

“Pengiktirafan berprestij itu diberikan kepada UPSI berdasarkan kriteria



PROFESOR MOHAMMAD SHATAR bersama anugerah yang diterima daripada World Education Congress.

holistik menjangkaui inisiatif akademik yang memfokuskan kepada etika, orientasi masa depan, pendidikan lestari, pendekatan penilaian dan nilai kemanusiaan,” kata Profesor Mohammad Shatar.

Beliau turut menyarankan warga UPSI supaya saling berganding bahu mewujudkan impak positif kepada masyarakat dan usaha, dedikasi serta komitmen dicurahkan mampu merealisasikan hasrat universiti menjadi institusi pendidikan yang

HARIAN METRO

dirujuk, dihormati selain kekal relevan.

Turut menerima anugerah pada majlis sama ialah Dekan Fakulti Teknikal Vokasional, Profesor Dr Ridzwan Che Rus yang dinobatkan sebagai 251 Global Educational Leaders..

Profesor Dr Ridzwan memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Pertanian) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2003.

Beliau kemudian menyambung pengajian ke

15/7/2019 P-48

peringkat sarjana dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional/Pertanian, (UPM, 2009) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional/Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2014.

Malah pernah menerima Best Professor in TVET (Education Leadership) dari Malaysia Institute of Human Resource Management pada tahun lalu.